

UMP cipta umpan bunuh anai-anai

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mencipta umpan tiruan bagi membunuh anai-anai dikenali Pisoptera yang dihasilkan daripada tandan atau palpa kelapa sawit.

Selain mesra alam dan

menggunakan bahan semulajadi, umpan tiruan juga dihasilkan daripada sisa pejal semulajadi yang efektif dan mudah digunakan.

Ketua penyelidik projek itu, Abdul Syukur Abd Razak, berkata kos menghasilkan Pisoptera agak murah kerana diperbuat daripada tandan kosong kelapa sawit yang kering dan dihaluskan.

Menurutnya, kajian terhadap penggunaan bahan mentah sebagai umpan tiruan membunuh anai-anai begitu meluas dilakukan kumpulan penyelidik di Amerika Syarikat dan Jerman.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan UMP menghasilkan Pisoptera adalah yang pertama di negara ini terutama selepas melakukan kajian selama dua tahun de-



BUKTI...pelajar UMP menunjukkan umpan tiruan membunuh anai-anai dikenali Pisoptera yang berjaya dicipta.

ngan bantuan sebuah syarikat swasta, Mega Juara Pest Control Sdn Bhd.

"Dalam tempoh antara sebulan hingga tiga bulan bergantung kepada saiz rumah dan keluasan tanah, penggunaan Pisoptera akan memberi hasil membanggakan

"Pisoptera bukan saja mudah digunakan, malah tidak menghasilkan sebarang bau yang boleh menyebabkan penghuni rumah berasa tidak selesa," katanya di sini,

semalam.

Beliau berkata, UMP ha-

nya bertindak sebagai pusat penyelidikan manakala syarikat berkenaan berperanan menyasarkan perbelanjaan bagi menghasilkan produk

berkenaan.

Menurutnya, berdasarkan perjanjian antara UMP dengan syarikat itu sebelum ini menetapkan hanya syarikat itu yang diberikan hak memasarkan produk berke-